

Maimunah wanita pertama dilantik Datuk Bandar KL

Pelantikan berkuat kuasa hari ini dapat perkenan Seri Paduka

Oleh **Essa Abu Yamin**
essabuyamin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penasihat kepada Majlis Antarabangsa Inisiatif Alam Sekitar Tempatan (ICLEI), Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif, menjadi wanita pertama dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur yang baharu berkuat kuasa, hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa, berkata pelantikan itu telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim selaras dengan Subseksyen 4 (2), Akta Ibu Kota Persekutuan 1960, berkuat kuasa

mulai hari ini.

“Saya percaya dengan pelantikan itu, Maimunah akan dapat meneruskan kesinambungan pengalaman dan sumbangan beliau untuk memimpin Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan penuh integriti bagi memastikan kemampuan pembangunan dan kecemerlangan dan kegemilangan berterusan ke arah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang maju dan sejahtera.

Pengalaman luas

“Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Perancangan Bandar) dari University of Wales Institute of Science and Technology, United Kingdom sebelum melanjutkan pengajian dalam Ijazah Sarjana Sains (Perancangan Bandar) di Universiti Sains Malaysia,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurut Dr Zaliha, Maimunah

mempunyai pengalaman yang luas, malah pernah menjadi Pengarah Eksekutif Persidangan Program Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-Habitat) yang berpusat di Nairobi, Kenya, selama enam tahun dan menjadi satu-satunya wanita Asia pertama yang memegang jawatan tersebut.

“Sebelum itu, beliau berkhidmat sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran

Seberang Perai serta pernah menjadi Presiden Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA).

“Dengan pengalaman selama 39 tahun dalam perancangan bandar, penjaan semula bandar dan pembangunan yang diterajui komuniti, beliau adalah individu yang bertanggungjawab mengembalikan kedudukan UN-Habitat sebagai peneraju pemikiran dalam

perbandaran mampan.

“Beliau juga pernah diberi tanggungjawab sebagai Pengerusi Bersama Secretary-General’s Task Force on the Future Cities dan Pengerusi Bersama Local 2030 Coalition,” katanya.

“Maimunah juga menerima pelbagai pengiktirafan seperti pengiktirafan sebagai Tokoh Perancang Bandar Malaysia oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Ahli Kehormat Royal Town Planner’s Institute, United Kingdom; Felo Kehormat, United Cities of Local Government (UCLG) dan Ambassador of His Majesty King Charles III (King’s Foundation) dalam perbandaran mampan di negara Kommanwel.

“Beliau juga dianugerahkan Ijazah Kehormat Kedoktoran Alam Bina dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,” katanya.

Dr Zaliha turut merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih Datuk Seri Kamarulzaman Mat Salleh atas segala sumbangan dan kepemimpinan beliau sepanjang menjawat jawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur.



Maimunah
Mohd Sharif